

LAPORAN TAHUNAN

2002

ANNUAL REPORT

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



TOWARDS A WORLD CLASS UNIVERSITY
KE ARAH UNIVERSITI BERTARAF DUNIA



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

upm
S
539
M3
U548
2002

1000512824



1000512824

Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia

TARIKH DIPULANGKAN (DATE DUE)

1000512824		

099001661

K A N D U N G A N

C O N T E N T S

MISI	2	MISSION
MATLAMAT	3	GOALS
DASAR KUALITI	4/5	QUALITY POLICY
ETIKA KERJA	4/5	WORK ETHICS
CANSELOR DAN PRO-CANSELOR	6	CHANCELLOR AND PRO-CHANCELLOR
LEMBAGA PENGARAH UPM	7	UPM BOARD OF DIRECTORS
SENAT	8	SENATE
STRUKTUR ORGANISASI	12	ORGANISATIONAL STRUCTURE
PENGURUSAN	14	MANAGEMENT
LAPORAN NAIB CANSELOR	15	VICE CHANCELLOR'S REPORT
LAKARAN SEJARAH KECEMERLANGAN	25	A BRIEF HISTORY OF EXCELLENCE
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	33	TEACHING AND LEARNING
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	39	RESEARCH AND DEVELOPMENT
INFRASTRUKTUR PENYELIDIKAN	55	RESEARCH INFRASTRUCTURE
KEGEMILANGAN PENYELIDIKAN BERTARAF DUNIA	61	WORLD CLASS RESEARCH EXCELLENCE
KHIDMAT RUNDING CARA	65	CONSULTANCY SERVICES
PENGURUSAN BERKUALITI	69	QUALITY MANAGEMENT
PENGURUSAN INFRASTRUKTUR	73	INFRASTRUCTURE MANAGEMENT
SUMBER INFORMASI, KOMUNIKASI DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	75	INFORMATION, COMMUNICATION AND INFORMATION TECHNOLOGY RESOURCES
DIARI PERISTIWA	79	DIARY OF EVENTS
Lawatan Ke Universiti Putra Malaysia	80	Visits to Universiti Putra Malaysia
Pelawat Tempatan	80	Local Visitors
Pelawat Luar Negara	86	International Visitors
Pameran dan Ceramah	88	Exhibitions and Talks
Memorandum Persefahaman (Dalam Negeri)	91	Memorandum of Understanding (Malaysia)
Memorandum Persefahaman (Luar Negeri)	91	Memorandum of Understanding (Overseas)
Aktiviti Sepanjang 2002	92	Activities In 2002
LAPORAN KEWANGAN	97	FINANCIAL REPORT

MISI

Misi Universiti adalah menjadi Pusat Pembelajaran dan Penyelidikan yang unggul, yang memberikan sumbangan bukan sahaja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu, tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.

Wawasan
Universiti
ialah untuk
menjadi
Universiti
Bertaraf
Dunia

The
University's
vision is
to be
a world class
university

MISSION

The University's mission is to be a leading Centre of Learning and Research, contributing not only towards human advancement and discovery of knowledge but also to the creation of wealth and nation building.

MATLAMAT

GOALS

UPM telah menetapkan lapan matlamat untuk merealisasikan wawasannya. Setiap matlamat berikut mempunyai objektif khusus, iaitu dalam bentuk yang boleh diukur pencapaiannya. Pencapaian setiap objektif bergantung kepada pelaksanaan strategi dan pelan tindakan masing-masing. Kelapan-lapan matlamat tersebut adalah seperti berikut :

- Melahirkan graduat yang berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan;
- Menjadikan UPM, Universiti yang terkemuka dalam bidang penyelidikan;
- Meningkatkan keupayaan UPM sebagai pusat pengajian dan perkhidmatan pertanian dan biosumber terkemuka di peringkat antarabangsa;
- Memantapkan sistem pengurusan berkualiti yang cekap dan berkesan, telus dan mesra pelanggan;
- Membangunkan sumber manusia serta persekitaran profesional yang cemerlang;
- Membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui e-Universiti;
- Menjana dan mengurus sumber kewangan Universiti secara cekap dan berkesan; dan
- Meningkatkan kedudukan UPM sebagai Pusat Perkhidmatan Pembangunan Profesional dan Pendidikan Lanjutan

UPM has established eight (8) goals to realize its vision. Each goal has its own specific objectives. The achievement of each objective depends on the execution of respective action plan. The eight goals are as follows:

- To produce quality graduates who are competitive and resilient through lifelong learning;
- To transform UPM into a renowned research university;
- To upgrade UPM as a renowned centre of learning, agricultural and bio-resources services internationally;
- To enhance a quality management system that is effective, efficient, transparent and client-friendly;
- To develop and create excellent human resources and professional environment;
- To promote an Information and Communication Technology (ICT) culture through e-University;
- To effectively generate and manage University Financial Resources;
- To establish UPM as the Centre of Professional Development Services and Continuing Education.

b4b
S
S89
m3
U S48
2002

DASAR KUALITI

Kami, staf Universiti Putra Malaysia beriltizam ke arah kecemerlangan melalui penerapan budaya kualiti dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional untuk memenuhi ekspektasi pelanggan.

ETIKA KERJA

Takrif

Etika kerja merupakan prinsip dan panduan tingkah laku yang menjadi pegangan oleh setiap staf Universiti Putra Malaysia yang berlandaskan nilai murni sejagat.

Objektif

- Menanamkan sifat positif dalam melaksanakan tugas yang diberi serta dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan
- Meningkatkan disiplin diri bagi menghasilkan perkhidmatan cemerlang dengan memenuhi kehendak pelanggan dan organisasi
- Memberikan sumbangan positif yang berterusan kepada negara

Prinsip

Etika Kerja Universiti Putra Malaysia perlu dilaksanakan dan dihayati berdasarkan prinsip yang berikut :

- Niat yang betul
- Perlakuan yang baik
- Penggerak ke arah kebaikan
- Memperkotakan apa yang dikatakan
- Beradab
- Kekitaan, kesetiaan, syura dan muafakat

Nilai Murni

Terdapat dua belas nilai murni yang menyokong Etika Kerja Universiti Putra Malaysia, iaitu :

- Amanah
- Adil
- Benar dan Telus
- Bijaksana
- Bersyukur dan Bersabar
- Cekap, Cepat dan Tepat
- Ikhlas
- Penyayang
- Berdisiplin
- Bersih
- Bertanggungjawab
- Berdedikasi

QUALITY POLICY

We, the staff of Universiti Putra Malaysia are committed towards excellence through the inculcation of quality culture in teaching, research and professional service, to fulfil the expectations of our clients.

WORK ETHICS

Definition

Work Ethics is the behavioral and conduct principles and guidance that are based on good universal values adhered by every staff of Universiti Putra Malaysia

Objectives

- To instil positive attitude in discharging given tasks/duties that will improve the quality of the service
- To improve self discipline towards producing excellent services that meet the needs of the clients as well as the organisation
- To provide continuous positive contributions to the nation

Principles

The Universiti Putra Malaysia Work Ethics should be implemented and practised based on the following principles:

- Having the right intention
- Showing good conduct
- Promoting goodness in society
- Executing work as promised
- Exhibiting good manner
- Upholding the spirit of loyalty, togetherness, consensus and unity

Value

The Universiti Putra Malaysia Work Ethics is based on 12 good values

- Trustworthy
- Just
- Truthful and Transparent
- Wise
- Grateful and Patient
- Efficient, Prompt and Accurate
- Sincere
- Compassionate
- Disciplined
- Honest
- Responsible
- Dedicated



CANSELOR
CHANCELLOR

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni
Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj
(Mulai 1 April 2002 / Beginning 1st April 2002)



CANSELOR
CHANCELLOR

Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Hamdan Sheikh Tahir
(Sehingga 31 Mac 2002 / Until 31st March 2002)



PRO-CANSELOR
PRO-CHANCELLOR

Yang Berbahagia
Tan Sri Dato'
Haji Hashim Aman



PRO-CANSELOR
PRO-CHANCELLOR

Yang Berbahagia
Tan Sri Dato'
Thong Yaw Hong

Lembaga Pengarah

Board of Directors



Pengerusi
Chairman
Y.Bhg. Datuk Ramly Ahmad

Ahli

1. Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Ir. Mohd. Zohadie Bardaie
(Naib Canselor / Vice Chancellor)
2. Y.Bhg. Dato' Ambrin Buang
3. Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
4. Y.Bhg. Datuk Dr. Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir
5. Y.Bhg. Datuk Haji Isahak Mohd. Yusuf
6. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Lee Shen Cheng
7. Y.Bhg. Datuk Patrick Lim Soo Kit

Members



Setiausaha

Secretary

Encik Kamalul Aripin Musa
(Pendaftar / Registrar)



Senat

Senate

PENGERUSI / CHAIRMAN

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardiae

- Naib Canselor / Vice-Chancellor

AHLI / MEMBERS

Prof. Dr. Hj. Muhamad Awang

- Timbalan Naib Canselor (Akademik)
- Deputy Vice-Chancellor (Academic)

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Hj. Makhdzir Mardan

- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Deputy Vice-Chancellor (Development)

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dato' Dr. Hj. Idris Abdol

- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)

Prof. Dr. Wan Sulaiman Wan Harun

- Provost, UPM Kampus Bintulu (sehingga April)
- Provost, UPM Bintulu Campus (Until April)

Prof. Dr. Mohd Yusof Hussin

- Provost, UPM Kampus Bintulu (mulai Mei)
- Provost, UPM Bintulu Campus (Beginning May)

Prof. Dr. Shaik Mohd. Noor Alam S.M. Hussain

- Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
- Dean, Faculty of Modern Languages and Communication

Prof. Dr. Abdullah Al-Hadi Muhammed

- Dekan, Fakulti Ekologi Manusia
- Dean, Faculty of Human Ecology

Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah

- Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Dean, Faculty of Economics and Management

Prof. Dr. Abdul Salam Abdullah

- Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar (sehingga November)
- Dean, Faculty of Veterinary Medicine (Until November)

Prof. Dr. Mohd Zamri Saad

- Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar (mulai Disember)
- Dean, Faculty of Veterinary Medicine (Beginning December)

Prof. Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi

- Dekan, Fakulti Kejuruteraan
- Dean, Faculty of Engineering

Prof. Dr. Kamariah Abu Bakar

- Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan (sehingga November)
- Dean, Faculty of Educational Studies (Until November)

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Zakaria Kasa

- Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan (mulai Disember)
- Dean, Faculty of Educational Studies (Beginning December)

Prof. Dato' Dr. Nik Muhamad Nik Majid

- Dekan, Fakulti Perhutanan (sehingga Mac)
- Dean, Faculty of Forestry (Until March)

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Mohd Hamami Sahri

- Dekan, Fakulti Perhutanan (mulai April)
- Dean, Faculty of Forestry (Beginning April)

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Mohd. Khanif Yusop

- Dekan, Fakulti Pertanian
- Dean, Faculty of Agriculture

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Mustafa Kamal Mohd Shariff

- Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Senibina
- Dean, Faculty of Design and Architecture

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Abd. Azim Abdul Ghani

- Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
- Dean, Faculty of Computer Science and Information Technology

Prof. Dr. Gulam Rusul Rahmat Ali

- Dekan, Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi (sehingga November)
- Dean, Faculty of Food Science and Biotechnology (Until November)

Prof. Dr. Jinap Selamat

- Dekan, Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi (mulai Disember)
- Dean, Faculty of Food Science and Biotechnology (Beginning December)

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Jammal Ahmad Essa

- Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (sehingga April)
- Dean, Faculty of Medicine and Health Sciences (Until April)

Prof. Dr. Azhar Md. Zain

- Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (mulai Mei)
- Dean, Faculty of Medicine and Health Sciences (Beginning May)

Prof. Dr. Wan Md. Zin Wan Yunus

- Dekan, Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar
- Dean, Faculty of Science and Environmental Studies

Prof. Dr. Aini Ideris

- Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah
- Dean, School of Graduate Studies

1000512824

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Hj. Zainal Abidin Kidam

- Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan
- Dean, Graduate School of Management

Prof. Dr. Dahlan Ismail

- Dekan, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPMKB)
- Dean, Faculty of Agriculture and Food Science (UPMKB)

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Iskandar Abdullah

- Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan (UPMKB)
- Dean, Faculty of Social Science and Management (UPMKB)

Prof. Dr. Abu Bakar Salleh

- Pengarah, Institut Biosains
- Director, Institute of Bioscience

Prof. Ir. Dr. Wan Ishak Wan Ismail

- Pengarah, Institut Teknologi Maju (ITMA)
- Director, Institute of Advanced Technology (ITMA)

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Salihan Siais

- Pengarah, Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL)
- Director, Institute for Distance Education and Learning (IDEAL)

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Abdul Aziz Saharee

- Pengarah, Pusat Program Luar
- Director, Center for External Program

Prof. Dr. Rahim Md Sail

- Pengarah, Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA)
- Director, Institute for Community and Peace Studies (PEKKA)

Prof. Dr. Kamel Ariffin Mohd Atan

- Pengarah, Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM)
- Director, Institute of Mathematical Research

Prof. Dr. Borhanuddin Mohd Ali

- Pengarah, Institut Multimedia dan Perisian (IMP)
- Director, Institute of Multimedia and Software

Puan Kamariah Abdul Hamid

- Ketua Pustakawan
- Chief Librarian

Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Saberi Othman

- Pengetua, Kolej Kelima
- Principal, Fifth College

Prof. Dr. Fatimah Mohd. Arshad

Prof. Dr. Annuar Md Nassir

Prof. Dr. Mohammed Yusoff

Prof. Dr. Wan Omar Abdullah

Prof. Dr. Mohamed Ismail Abdul Karim

Prof. Dr. Abdul Rahman Md. Aroff

Prof. Dr. Shamshuddin Jusop

Prof. Dr. Sariah Meon

Prof. Dr. Mohd Yusof Sulaiman

Prof. D.N. Trikha

Prof. Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din

Prof. Dr. Yaakob Che Man

Prof. Dr. Kamaruzaman Jusoff

Prof. Dr. Mad Nasir Shamsudin

Prof. Dr. Md. Nordin Hj. Lajis

Prof. Hanafie Mohd. Imam

Prof. Dr. Kaida Khalid


SETIAUSAHA / SECRETARY

Encik Mustafa Ibrahim

- Ketua Bahagian Akademik
- Head of Academic Section

Struktur Organisasi

Organisational Structure



Fakulti / Pusat / Institut / Bahagian / Kampus Cawangan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Fakulti Ekologi Manusia
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Fakulti Kejuruteraan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Fakulti Perhutanan
Fakulti Pertanian
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Fakulti Perubatan Veterinar
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi
Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPM Kampus Bintulu)
Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan (UPM Kampus Bintulu)
Sekolah Pengajian Siswazah
Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan
Pusat Program Luar
Pusat Islam
Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Pusat Pembangunan Perniagaan
Pusat Pengurusan Ilmu
Pusat Alumni
Institut Biosains
Institut Multimedia dan Perisian
Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL)
Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA)
Institut Teknologi Maju (ITMA)
Institut Gerontologi
Institut Penyelidikan Matematik
Taman Pertanian Universiti
Kampus Cawangan Bintulu

Faculty / Centre / Institute / Division / Branch Campus

Faculty of Modern Languages and Communication
Faculty of Human Ecology
Faculty of Economics and Management
Faculty of Engineering
Faculty of Educational Studies
Faculty of Forestry
Faculty of Agriculture
Faculty of Medicine and Health Sciences
Faculty of Veterinary Medicine
Faculty of Design and Architecture
Faculty of Science and Environmental Studies
Faculty of Computer Science and Information Technology
Faculty of Food Science and Biotechnology
Faculty of Agriculture and Food Science (UPMKB)
Faculty of Social Science and Management (UPMKB)
School of Graduate Studies
Graduate School of Management
Center for External Program
Islamic Center
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Arts and Cultural Center
Research Management Center
University Business Center
Knowledge Management Center
Alumni Centre
Institute of Bioscience
Institute of Multimedia and Software
Institute for Distance Education and Learning (IDEAL)
Institute Community and Peace Studies (PEKKA)
Institute of Advance Technology (ITMA)
Institute of Gerontology
Institute of Mathematical Research
University Agriculture Park
Bintulu Campus

Pengurusan

Management



1

Naib Canselor

Vice Chancellor

1. Prof. Dato Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardiae

Dip. Agric. (Malaya), B.S., M.S. (California, Davis), Ph.D. (Cornell), M.I.E.M., P.Eng.



1



2

Timbalan Naib Canselor (Akademik)

Deputy Vice Chancellor (Academic)

1. Prof. Dr. Muhamad Awang

FASc. Drs. (ITB), Ph.D. (Sheffield)



3



4

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Deputy Vice Chancellor (Development)

2. Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dr. Makhzir Mardan

Dip. Agric. (UPM), B.S., M.S. (Louisiana State), Ph.D. (Guelph)



5



6

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Deputy Vice Chancellor (Student Affairs)

3. Prof. Madya (Assoc. Prof.) Dato' Dr. Haji Idris Abdol

Dip. Agric. (Malaya), B.S., M.S., Ph.D. (Louisiana State)

Pendaftar

Registrar

4. Kamalul Aripin Musa

B.A. (Hons) (Malaya)

Bendahari

Bursar

5. Hajjah Noormah Haji Mohamed

Corporation of Secretaries (UK), ADIA (ITM), R.A. (M)

Ketua Pustakawan


Chief Librarian

6. Kamariah Abdul Hamid

A.L.A. (London), M.L.S. (Hawaii)

LAPORAN NAIB CANSELOR

VICE CHANCELLOR'S REPORT



Laporan Naib Canselor

Kemunculan era globalisasi, perkembangan teknologi biologi (bioteknologi), bioekonomi dan ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau k-Ekonomi merupakan satu cabaran baru kepada UPM untuk melahirkan graduan yang relevan, fleksibel, cekap, dinamik dan berakhlaq mulia serta dapat menghasilkan penemuan yang dapat menyumbang kepada kemajuan negara. Oleh yang demikian melalui Rancangan Strategik UPM 2001-2010, lapan matlamat telah pun digaris untuk menjadikan UPM sebagai sebuah universiti terunggul dalam bidang pembelajaran dan penyelidikan yang menyumbang bukan sahaja untuk kemajuan manusia dan penerokaan ilmu tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.



Vice Chancellor's Report

The emergence of the globalization era, the advancement in biotechnology and bio economy as well as knowledge economy or k-economy is a new challenge for UPM to produce graduates who are relevant, flexible, efficient, dynamic, of respectable character and able to contribute to the progress of the nation. In response to this challenge, UPM has revised its strategic planning for the period of 2001-2010. Eight objectives have been identified in our mission to enhance the status of UPM as a renowned university in the areas of learning and research. UPM hopes

to contribute to the progress of knowledge and mankind and also the creation of wealth and development of the nation.

ENROLMENT AND PENGAMBILAN PELAJAR

Pada tahun 2001 UPM telah mengambil seramai 8,928 pelajar manakala pada tahun 2002 jumlah pengambilan telah berkurangan sebanyak 4.77% kepada 8,502 orang. Daripada jumlah itu 230 orang pelajar Doktor Falsafah, 1,650 orang pelajar Sarjana, 5,381 orang pelajar Ijazah Pertama dan 1,241 orang pelajar Diploma.

Dari segi enrolmen pelajar, UPM mempunyai seramai 30,755 pelajar (tidak termasuk pelajar Pendidikan Jarak Jauh, Program Siswazah Pengurusan dan Program Kerjasama) berbanding 32,321 orang pada tahun sebelumnya. Jumlah ini menunjukkan penurunan enrolmen sebanyak 4.84% bagi ijazah pertama dan diploma.


PENGAJIAN SISWAZAH


Sekolah Pengajian SiswaZah menjadi arkitek penting bagi merealisasikan hasrat UPM untuk melahirkan lebih ramai penyelidik dan tenaga pakar negara dalam bidang-bidang tertentu. Oleh itu, pada tahun 2002 seramai 891 pelajar telah mendaftar dalam pelbagai bidang pengajian yang menjadikan enrolmen pelajarnya mencapai angka 5,850 orang berbanding 5,266 orang pada tahun 2001, iaitu peningkatan 11.1%. Daripada jumlah tersebut, seramai 836 orang adalah pelajar-pelajar dari 51 buah negara di seluruh dunia.

STUDENT INTAKE AND ENROLMENT

The student intake for 2001 was 8,928 and this number was reduced by 4.77% to 8,502 students in 2002. Out of this total, there were 230 Doctor of Philosophy candidates, 1,650 Masters students, 5,381 Bachelor's degree students and 1,241 Diploma students.

In terms of enrolment, UPM has 30,755 students (excluding Distance Learning students, Management Graduate Program and Collaborative Program) compared to 32,321 previously. This shows a reduction of 4.84% in the enrolment of First degree and Diploma students.





PENGAJIAN SISWAZAH PENGURUSAN

Sekolah Pengajian SiswaZah Pengurusan (GSM) dengan kerjasama Fakulti Ekonomi dan Pengurusan menawarkan pelbagai program pengajian siswazah dan program eksekutif. Pada tahun 2002, GSM telah menerima masuk 316 orang pelajar baru yang menjadikan enrolmen keseluruhannya 620 orang di mana Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) menjadi pilihan utama.

PROGRAM JARAK JAUH (PJJ)

Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh UPM atau dikenali sebagai IDEAL menjadi entiti penting dalam membantu negara melahirkan tenaga profesional dari kalangan masyarakat yang bekerja serta ingin mempertingkatkan tahap pendidikan mereka. Pengambilan pelajar PJJ pada tahun 2002 adalah seramai 2,232 orang yang menjadikan jumlah enrolmen pelajarnya mencatatkan pertambahan 17% iaitu 15,342 orang

GRADUATE STUDIES

The School of Graduate Studies is pertinent in UPM's quest to produce more researchers and experts in various fields. Hence, in 2002, 891 students registered in the various course programs offered making the total enrolment to be 5,850 compared to 5,266 in 2001, that is an increase of 11.1%. From this number 836 students are from 51 different countries.

GRADUATE SCHOOL OF MANAGEMENT

The Graduate School of Management with the cooperation of the Economic and Management Faculty offers various post graduate and executive programs. In 2002 the Graduate School of Management accepted 316 new students making the total enrolment 620 and the number one course choice was the Masters In Business Administration Program.

DISTANCE LEARNING PROGRAM (PJJ)

The UPM Institute For Distance Education and Learning (IDEAL) has been one important entity in helping the working class who wish to further their studies. The enrolment for 2002 was 2,232 making the total enrolment 15,342 that is an increase of 17% compared to 13,109 the year before. The increase is in line with the government's aim to allow Malaysians especially the workers and professionals in the public sector to further their studies. In 2002 the distant learning program produced 826 graduates.



berbanding 13,109 orang pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini sejajar dengan matlamat kerajaan untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia terutama para pekerja dan profesional di sektor awam dan swasta untuk melanjutkan pendidikan mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Program PJJ juga telah melahirkan graduan seramai 826 orang pada tahun 2002.

PROGRAM KERJASAMA UPM - IPTS

Pusat Program Luar UPM juga menjadi satu lagi saluran penting untuk melahirkan masyarakat berpendidikan tinggi dengan kerjasama Institut Pengajian Tinggi Swasta. Pada tahun 2002, UPM telah bekerjasama dengan 26 kolej swasta untuk mengendalikan pelbagai program pengajian. Seramai 1,583 orang telah mendaftar dalam pelbagai program pengajian kerjasama ini iaitu 89 orang untuk program ijazah pertama dan 1,494 orang program diploma. Secara keseluruhannya jumlah enrolmennya ialah 6,893 orang sepanjang tahun 2002. Pemantauan tahap pencapaian dan kualiti akademik IPTS dibuat secara berterusan dari semasa ke semasa. Melalui program ini juga seramai 2,628 orang pelajar telah bergraduat pada tahun 2002.

PENYELIDIKAN

Dalam bidang penyelidikan UPM telah menunjukkan peningkatan yang amat membanggakan. UPM telah menerima geran penyelidikan IRPA (*Intensification of Research Priority Area*) yang terbesar berbanding dengan IPTA dan Institut Penyelidikan lain. Pada tahun 2002, UPM telah menerima hampir RM115 juta peruntukan IRPA yang telah diluluskan untuk membiayai 152 projek.

Selain itu UPM juga menerima geran penyelidikan daripada agensi-agensi tempatan dan luar negara antaranya *International Atomic Energy Agency* (IAEA), *Japan International Cooperation Agency* (JICA), *International Plant Genetic Resources Institute* (IPGRI), *Ministry of Housing and Local Government*, *Ministry of Agriculture*, *Tenaga Nasional Berhad* (TNB), *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB), FELDA, Sapura Holdings Berhad dan lain-lain lagi. UPM juga telah menerima bayaran sebanyak RM4.943 juta untuk bayaran perundingan bagi tahun 2002 dan dijangka jumlah ini akan terus meningkat.

UPM-IPTS COLLABORATIVE PROGRAM

The Centre for External Program with the cooperation of Private Higher Institutions of Learning is another important channel to produce a better educated society. In 2002, UPM collaborated with 26 private colleges to organise various course programs. 1,583 students registered in the various programs offered i.e. 89 for the first degree program and 1,494 for the diploma program. The total enrolment is 6,893 students for the year 2002. The level of achievement and academic quality are monitored continuously from time to time. The collaborative programs produced 2,628 graduates in 2002.

RESEARCH

UPM is proud of its achievement in the field of research. UPM received the biggest allocation of the IRPA (Intensification of Research Priority Area) research grant compared to other Public Higher Institutions of Learning and Research Institutes. In 2002, UPM received almost RM115 million to fund 152 projects.

UPM also received research grants from local and foreign agencies like International Atomic Energy Agency (IAEA), Japan International Cooperation Agency (JICA), International Plant Genetic Resources Institute (IPGRI), Ministry of Housing and Local Government, Ministry of Agriculture, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Malaysian Palm Oil Board (MPOB), FELDA, Sapura Holdings Berhad etc. UPM received RM4.943 million as consultation fee for the year 2002 and the amount is expected to increase further.

INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY POLICY (ICT)

Apart from the on-line Lecture Application via e-University in the previous year, UPM has widened the e-University concept by providing the hand phone SMS facility for students to obtain information regarding intake and examination results. This facilities will provide an opportunity for faster access to information required by students. This will be continued and widened to include time table, registration etc. The Students' Health Centre has started using the e-Clinic system in all its dealings.

DASAR TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN MAKLUMAT (ICT)


Selain memperkenalkan kaedah Aplikasi Kuliah *online* melalui e-Universiti pada tahun sebelumnya, UPM telah memperluaskan lagi konsep e-Universiti dengan menyediakan kemudahan SMS menerusi telefon bimbit untuk pelajar mendapat maklumat mengenai kemasukan dan keputusan peperiksaan. Kemudahan seperti ini akan dapat memberi peluang kepada pelajar mendapat akses kepada maklumat berkenaan dengan lebih cepat. Kemudahan ini akan diteruskan dan diperluaskan meliputi jadual waktu, pendaftaran dan sebagainya. Pusat Kesihatan Pelajar pula telah memulakan sistem e-Klinik yang mana semua proses perawatan dijalankan secara berkomputer keseluruhannya.

ANUGERAH DAN PENERBITAN

Tahun 2002 adalah tahun emas penyelidikan UPM apabila para penyelidiknya telah berjaya memenangi banyak anugerah sama ada di peringkat antarabangsa atau kebangsaan. Di peringkat antarabangsa, para penyelidik UPM telah berjaya memenangi dua pingat emas dan tiga pingat perak di Pertandingan Reka Cipta Antarabangsa ke-30 di Geneva, Switzerland. Sementara di Pameran Penemuan dan Produk Baru (INPEX 2002) yang diadakan di Pittsburgh, USA pula, penyelidik UPM telah memenangi dua pingat emas, tiga pingat perak dan satu pingat gangsa.

Di peringkat kebangsaan pula, UPM telah berjaya mendapat satu pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa di Anugerah I-TEX 2002 (*International, Invention, Innovation Industrial Design and Technology*). Sementara di Ekspo Sains dan Teknologi (S&T) pula UPM telah berjaya mendapat 23 pingat yang terdiri dari enam pingat emas, sembilan pingat perak dan lapan pingat gangsa daripada 24 penyertaan.

Selain daripada itu, UPM juga menerbitkan 23 judul buku karya asli, 4 isu Pertanika *Journal of Tropical Agriculture*, 2 isu Pertanika *Journal of Science & Technology* dan 6 Pertanika *Journal of Social Sciences & Humanities*. Penerbit UPM juga menerbitkan 15 judul *prosiding* sepanjang tahun 2002. Sementara hasil-hasil penyelidikan telah dipatenkan dan dikomersialkan.



AWARDS AND PUBLICATIONS

2002 is a golden year for research at UPM when its researchers successfully achieved numerous awards at national and international levels. UPM researchers won two gold medals and three silver medals at the 30th International Invention Competition in Geneva, Switzerland. At the New Product and Finding Exhibition (INPEX 2002) in Pittsburgh, USA, researchers from UPM won two gold medals, three silver medals and one bronze medal.

At the national level, UPM successfully bagged one gold medal, three silver medals and two bronze medals at the I-TEX 2002 Awards (International, Invention, Innovation Industrial Design and Technology). UPM also bagged 23 medals i.e. six gold medals, nine silver medals and eight bronze medals out of 24 entries at the Science and Technology Expo.

Apart from that, UPM has published 23 original book titles, 4 issues of Pertanika Journal of Tropical Agriculture, 2 issues of Pertanika Journal of Science and Technology





PENGURUSAN BERKUALITI

UPM telah memulakan usaha membentuk sistem pengurusan yang berkualiti dan diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui ISO 9000. Ketika ini tiga Fakulti telah berjaya mendapat pengiktirafan ISO 9000 iaitu Fakulti Perubatan Veterinar (1999), Fakulti Kejuruteraan (2001) dan yang terbaharu Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar (2002). Di samping itu, Fakulti Kejuruteraan telah berjaya memenangi tempat kedua bagi Anugerah Kualiti Y.A.B. Menteri Besar Selangor 2002.

PIAGAM PELANGGAN DAN ETIKA KERJA

UPM telah mengambil langkah mengadakan Piagam Pelanggan yang boleh diakses melalui Laman Web UPM dan juga melancarkan Panduan Etika Kerja UPM. Etika Kerja UPM digubal untuk beberapa objektif iaitu antara lainnya ialah untuk menanamkan sifat positif dalam menjalankan tugas dan mempertingkatkan perkhidmatan yang cemerlang untuk memenuhi kehendak pelanggan. Dengan berpandukan Etika Kerja ini akan membolehkan UPM melaksanakan Pelan Strategi dengan lebih cekap dan berkesan.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pada tahun 2002, seramai 286 orang telah dilantik mengisi pelbagai kekosongan jawatan. Daripada jumlah itu, seorang dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 150 orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 135 orang dari Kumpulan Sokongan. Sementara itu, seramai 70 orang dari Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 228 orang pegawai Kumpulan Sokongan telah dilantik secara kontrak bagi melaksanakan

and 6 Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities. The UPM Publisher has also published 15 titles of proceedings in the year 2002. UPM research products and output have also been patented and commercialized.

QUALITY MANAGEMENT

UPM has made the effort to establish a quality management system which is acknowledged internationally via the ISO 9000 certification. To date, three faculties have received the ISO 9000 certification i.e. the Faculty of Veterinary Medicine(1999), Faculty of Engineering (2001) and the latest is the Faculty of Science and Environmental Studies (2002). The Faculty of Engineering has also managed to secure second place for the YAB Menteri Besar Selangor 2002 Quality Award.

CLIENT'S CHARTER AND WORK ETHICS

UPM has launched its Work Ethics Guide and UPM's client charter can be accessed via the UPM Website. The objectives of UPM Work Ethics are to instill positive work attitude and to work towards excellence in order to satisfy the clients. It is hoped that the Work Ethics will enable UPM to carry out its Strategic Plan more effectively and efficiently.

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

In the year 2002, 286 staff were recruited to fill various vacancies. The breakdown is one for the Highest Level Management Group, 150 for the Professional and Management Group and 135 for the Support Group. Apart from that, 70 contract officers for the Professional and Management Group and 228 contract officers for the Support Group were also recruited to enable all university activities to be carried out successfully.

In 2002, 275 UPM officers were promoted, 52 retired and 89 officers were given study leave to further their studies; Masters (16), Doctor of Philosophy (73) locally and abroad. Sabbatical leave was also approved to 29 academic staff.

185 officers consisting of 74 officers from the Professional and Management Group and 111 from the Support Group received the Excellent Service Award in 2002. UPM has also introduced three new awards beginning 2002 i.e. Setia Putra Award (174 officers), Jasa Putra Award (39 officers) and Jasamu Dikenang Award (6 officers). These awards are as a gesture of appreciation from UPM



perjalanan aktiviti-aktiviti Universiti yang lebih sempurna

Sepanjang tahun 2002 juga, seramai 275 orang pegawai UPM telah dinaikkan pangkat, 52 orang telah bersara dan 89 orang telah diluluskan cuti belajar bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang Sarjana (16) dan Doktor Falsafah (73) di dalam dan luar negara sepanjang tahun. Di samping itu, seramai 29 orang pegawai akademik telah diluluskan cuti sabatikal.

Seramai 185 orang yang terdiri dari 74 orang Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 111 orang Kumpulan Sokongan telah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang tahun 2002. Selain itu, UPM juga memperkenalkan tiga anugerah lain mulai 2002 iaitu Anugerah Setia Putra kepada 174 orang pegawai, Anugerah Jasa Putra kepada 39 orang pegawai dan Anugerah Jasamu Dikenang kepada 6 orang pegawai. Anugerah-anugerah ini diberi sebagai menghargai jasa para pegawai UPM yang telah berkhidmat lebih dari 20 tahun, meninggal dunia semasa bertugas dan yang telah bersara. Selain itu, 5 orang pegawai telah dianugerahkan Anugerah Fellowship Naib Canselor. Bersesuaian dengan penstrukturkan semula Sistem Saraan Baru (SSB) ke Sistem Saraan Malaysia (SSM), seramai 3,361 orang pegawai telah menerima SSM sementara 56 orang pegawai memilih kekal dalam Sistem Saraan Baru.

PEMBANGUNAN FIZIKAL

Sepanjang tahun 2002, UPM telah meluluskan 34 projek pembangunan di kampus Serdang dan Bintulu yang meliputi projek pembinaan baru, kerja-kerja menaik taraf, pengubahsuaian dan perolehan peralatan utama. Peruntukan Kerajaan bagi maksud pembangunan fizikal pada tahun 2002 adalah sebanyak RM169.4 juta, manakala peruntukan selebihnya ditampung oleh Kumpulan Wang Pembangunan UPM.

to officers who served UPM for more than 20 years, died on duty or those who have retired. In the same year, 5 officers received the Vice Chancellor's Fellowship Award.

Under the restructuring of the New Remuneration System (SSB) to the Malaysia Remuneration System (SSM), 3,361 officers have opted to join the SSM while 56 officers have chosen to remain with the SSB.

PHYSICAL DEVELOPMENT

In the year 2002, UPM has approved 34 development projects for both the Serdang and Bintulu campuses. These projects involve new buildings, upgrading works, renovation and purchase of major equipment. The funding of these projects came from the Government Grant (RM169.4 million) and the rest of the funding comes from UPM Development Fund.






HUBUNGAN LUAR

UPM bergiat aktif dalam memperkuat hubungan kerjasama dengan sektor industri, sektor awam dan sektor swasta, juga dengan universiti-universiti terkemuka dari dalam dan luar negara terutamanya dalam bidang pengajaran, penyelidikan, pembangunan teknologi dan teknologi komunikasi maklumat (ICT). Untuk tujuan itu sebanyak 6 Memorandum Persefahaman (MoU)/Perjanjian Kerjasama sepanjang 2002 ditandatangani. Ini termasuk 2 Memorandum Persefahaman (MoU) dengan dua institusi luar negara. Dalam pada itu, UPM juga telah menerima sebanyak 17 delegasi pelawat dari seluruh dunia dan 67 delegasi pelawat dari dalam negara bagi mewujudkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan pengajaran. Di samping itu juga UPM telah membuat 29 promosi pendidikan sepanjang tahun 2002.

EXTERNAL LINKAGES

UPM has always been actively involved in strengthening its ties with the industrial, public and private sectors, local and foreign universities especially in the fields of teaching, learning, research, technological development and information and communication technology. For this purpose, 6 Memorandum of Understanding (MoU)/Cooperative Agreements were signed in 2002. This includes 2 Memorandum of Understanding (MoU) with two foreign institutions. UPM also received visitors by 17 foreign delegations and 67 local delegations to establish cooperation in the fields of learning and teaching. UPM also carried out 29 educational promotions in the year 2002.





KONVOKESYEN


Majlis Konvokesyen Ke-26 UPM telah diadakan dalam tiga sidang. Sidang Pertama pada 9-10 Februari 2002, Sidang Kedua pada 13-14 Julai 2002 dan Sidang Ketiga pada 7-8 September 2002. Dalam Konvokesyen tersebut UPM telah melahirkan seramai 10,515 orang graduan dari pelbagai bidang. Dari jumlah tersebut seramai 115 orang telah mendapat ijazah kepujian kelas pertama, 2,705 orang kepujian kelas kedua tinggi, 2,904 kepujian kelas kedua rendah dan 874 ijazah kelas ketiga.

UPM juga telah menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada 5 orang tokoh penting yang banyak berjasa kepada UPM dan negara iaitu Y.Bhg. Tan Sri Dato' Lee Shen Cheng, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Hamdan bin Sheikh Tahir, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Ahmad Mustafa bin Haji Babjee, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Haji Nayan bin Ariffin dan Profesor Dr. Kisho Kurokawa.

CONVOCATION

UPM's 26th Convocation Ceremony was held in three sittings. The First Sitting was from 9-10 February, Second Sitting from 13-14 July and Third Sitting from 7-8 September 2002. 10,515 graduates from various disciplines received their degrees during the 26th Convocation Ceremony. Out of that number, 115 obtained a First Class Honours degree, 2,705 Second Class Upper Honours degree, 2,904 Second Class Lower Honours degree and 874 Third Class degree.

UPM conferred Honorary Doctorates to five important people who contributed in many ways to the country and UPM. The recipients are; Y.Bhg. Tan Sri Dato' Lee Shen Cheng, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Hamdan bin Sheikh Tahir, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Ahmad Mustafa bin Haji Babjee, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Haji Nayan bin Ariffin and Professor Dr. Kisho Kurokawa.





PEMASYHURAN DYMM SULTAN SELANGOR SEBAGAI CANSELOR YANG BARU

Tahun 2002 juga mencatatkan sejarah apabila DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj dilantik sebagai Canselor UPM yang ketiga. Pelantikan ini bagi menggantikan Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Hamdan bin Sheikh Tahir yang telahpun tamat tempoh perkhidmatannya. UPM berasa bangga dengan pelantikan DYMM Tuanku Canselor kerana ia adalah kesinambungan dari perlantikan Almarhum Ayahanda Baginda yang pernah menjadi Canselor Pertama UPM.

PENUTUP

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbangkan tenaga untuk memastikan UPM terus unggul sebagai sebuah universiti perdana yang menjadi kebanggaan negara dalam kelasnya tersendiri.

Semoga UPM akan terus berkembang pesat menjana kecemerlangan, seiring kepesatan pembangunan massa ke arah menjadikan UPM, UNIVERSITI BERTARAF DUNIA.

Zohadie Bardaii
PROFESOR DATO' MOHD. ZOHADIE BARDAIE
 Ph.D., P.Eng.
 Naib Canselor

PROCLAMATION OF HRH SULTAN OF SELANGOR AS THE NEW CHANCELLOR

The year 2002 was a very historical year for UPM when HRH Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj was appointed as the third UPM Chancellor. HRH Sultan Sharafuddin Idris Shah replaces Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Hamdan bin Sheikh Tahir who has completed his term. UPM is very proud with the appointment of HRH Tuanku Chancellor since it provides a continuity to the appointment of the HRH Tuanku Chancellor's late father who was UPM's First Chancellor.

CONCLUSION

Lastly, I would like to state my heartfelt gratitude and a million thanks to those who have contributed in any way to ensure that UPM will always be a prime university in its own class and the pride of the nation.

Let us work together to reach for excellence to cope with the rapid mass development and in our quest to be A WORLD CLASS UNIVERSITY.

Zohadie Bardaii
PROFESSOR DATO' MOHD. ZOHADIE BARDAIE,
 Ph.D., P.Eng.

Vice Chancellor

LAKARAN SEJARAH KECEMERLANGAN

A BRIEF HISTORY OF EXCELLENCE

PERPUSTAKAAN NATIONALE
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR 50603
MALAYSIA
TEL: 03-9054 3432
FAX: 03-9054 3433

Lakaran Sejarah Kecemerlangan

Sekolah Pertanian Malaya dirasmikan oleh John Scott, Pegawai Pentadbir Negeri-negeri Selat pada 21 Mei 1931. Institusi pendidikan yang ditubuhkan ini memberi tumpuan dan penekanan kepada pengajian dalam bidang pertanian dan ditubuhkan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di Jabatan Pertanian ketika itu.

Sebagai permulaan, hanya dua program ditawarkan iaitu pengajian diploma selama tiga tahun dan kursus sijil selama setahun. Selepas 10 tahun menyediakan peluang pendidikan, Sekolah Pertanian Malaya berjaya melahirkan 155 pemegang diploma dan 166 lulusan sijil.

Hasrat menaikkan taraf sekolah berkenaan kepada kolej hasil kesedaran tentang kepentingan peranan dan kemajuan sekolah berkenaan dilaksanakan oleh Gabenor Kesatuan Malaya, Sir Edward Grant yang merasmikan Kolej Pertanian Malaya pada 23 Jun 1942. Menjelang ulang tahun Jubli Perak Ke-25, pada tahun 1956 Kolej Pertanian Malaya telah mengeluarkan sejumlah 699 pelajar iaitu 288 pemegang Diploma Pertanian dan 411 pemegang Sijil Pertanian.

Kecemerlangan Kolej tersebut mendapat perhatian semua pihak, maka timbul cadangan pada 1948 untuk menaikkan tarafnya kepada universiti. Penubuhan Fakulti Pertanian, Universiti Malaya pada 1960 merupakan titik tolak kepada pembentukan UPM kerana penubuhan fakulti tersebut mengambil kira peranan Majlis Kolej Pertanian Malaya dengan pelantikan kolej tersebut sebagai salah satu pihak berkuasa universiti berkenaan pada 1 Januari 1962.

Kemajuan dan pembangunan pertanian dan sebagai tunjang ekonomi negara pada masa itu menyerlahkan hasrat dan kepentingan memperkembangkan Kolej Pertanian Malaya. Hasilnya pada 31 Mac 1969, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tun Hj. Abdul Razak Tun Hussein telah mencadangkan supaya Kolej Pertanian dinaik taraf kepada sebuah universiti.

Sehubungan itu, pada Mei 1969, Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman Yaakub telah menyiapkan memorandum menubuhkan Universiti Pertanian Malaysia dan

A Brief History Of Excellence

The Malaya School of Agriculture was officiated by John Scott, Administrator of the States of the Straits Settlement on May 21st, 1931. This new education institution emphasized on the study of agriculture and was established in line with the needs of the Agriculture Department then.

Initially, only two programs were offered i.e. a three year diploma program and a one year certificate program. The Malaya Agriculture School produced 155 diploma holders and 166 certificate holders after 10 years of its inception.

Realising the importance of the role and development of the school, prompted Sir Edward Grant, Malayan Union Governor to upgrade the school to a college. The Malaya Agriculture College was officiated by Sir Edward Gant, the Malayan Union Governor on 23rd June 1942. The Malayan Agriculture College, on the eve of its 25th Silver Jubilee in 1956 had produced 699 students comprising of 288 Diploma in Agriculture holders and 411 Certificate in Agriculture holders.

The development and progress of the college caught the interest of many parties and thus in 1948 there were suggestions that the college be upgraded to university level. The establishment of the Faculty of Agriculture in University Malaya in 1960 was the turning point in the establishment of UPM since it considered the role of the College of Agriculture Malaya Council and appointment of the college as one of the University's governing power in 1st January 1962.

The development and advancement in agriculture which was the backbone of the country's economy had made the authorities realized the importance of upgrading the Malayan Agriculture College. As a result, on 31st March 1969, the Deputy Prime Minister of Malaysia, YAB Tun Hj. Abdul Razak Tun Hussein suggested that the Agriculture College be upgraded to the status of university.

Thus, in May 1969, the Education Minister of Malaysia, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman Yaakub completed a memorandum for establishing Universiti Pertanian Malaysia (UPM) and Dr. Mohd. Rashdan Haji Baba was given the honour to be the First Vice Chancellor.

pada ketika itu, Dr. Mohd. Rashdan Haji Baba diberi penghormatan sebagai Naib Canselor.

Universiti Pertanian Malaysia pada tanggal 23 Julai 1973, bersama 1,559 pelajar memulakan sesi akademik yang pertama dengan tiga fakulti asas iaitu Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan dan Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan serta satu Bahagian Sains Asas. Manakala, empat tahun kemudian, Universiti Pertanian Malaysia telah mengadakan Majlis Konvokesyen Pertamanya pada 30 Julai 1977.

Pegangan falsafah "ilmu untuk berbakti," adalah asas operasi Universiti Pertanian Malaysia yang berpandukan kepada tiga kegiatan utama, iaitu pengajaran, penyelidikan dan pengembangan. Maka itulah Universiti Pertanian Malaysia menjuruskan tumpuan kepada penerokaan pelbagai bidang penyelidikan yang memberikan sumbangan ke arah mutu kehidupan yang lebih baik, keperluan masyarakat terhadap pengeluaran makanan berasaskan tanaman dan haiwan dengan lebih cekap serta persekitaran yang lebih bersih dengan penggunaan sumber-sumber yang berdaya kekal. Di samping itu juga, universiti ini meneroka perkembangan teknologi komputer dengan menjanakkannya dalam pengajaran, pentadbiran dan kegiatan penyelidikan.

Beriltizamkan kecemerlangan dalam pendidikan bagi melahirkan individu pemikir yang berilmu, kreatif dan berdisiplin, Universiti Pertanian Malaysia berhasrat menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan unggul dan ulung yang menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu di samping pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.

Universiti Pertanian Malaysia sekali lagi mengalami titik perubahan berasaskan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed pada 3 April 1997 mengisyiharkan nama Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai menggantikan Universiti Pertanian Malaysia.

Pengisytiharan tersebut merupakan pemangkin kepada proses transformasi ke arah institusi pendidikan tinggi multidisiplinari negara yang

UPM began its first academic session on 23rd July 1971. The first batch of 1,559 students began their study in 3 basic faculties i.e. Faculty of Agriculture, Faculty of Forestry and Faculty of Veterinary Medicine and Animal Science and a Basic Science Division. The first convocation was held four years later on 30th July 1977.

UPM's philosophy "Knowledge Is For Serving" was the basis of its operation. The three main activities of UPM were teaching, research and extension and emphasis is given on venturing into various fields of research which could contribute to a better quality of life, the society's needs to efficient agriculture and animal based food production and the use of permanent resources for a cleaner environment. The university also ventured into the computer technology by using it for teaching, administration and research activities.

UPM is dedicated to provide excellent education in order to produce individuals who are creative, knowledgeable and disciplined as UPM aims to be the leading centre of learning and research, contributing not only towards the progress of mankind and exploration of knowledge but also to the creation of wealth and the development of the nation.

Universiti Pertanian Malaysia once again underwent a historical moment when its name was changed to Universiti Putra Malaysia. The announcement was made by Yang Amat Berhormat The Prime Minister of Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed on 3rd April 1997.

The announcement is the catalyst in UPM's transformation process towards a competitive national multidisciplinary higher institution of learning. The name change is a strategic step in portraying UPM's status as a higher institution of learning which offers the latest course programs including information technology apart from emphasizing on agriculture.

mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Perubahan nama itu juga merupakan langkah strategik yang mencerminkan kedudukan UPM sebagai institusi pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai pengajian terkini, termasuk teknologi maklumat (IT) di samping penumpuan kepada bidang pertanian.

Kegemilangan Teknologi Pertanian

Penekanan kepada bidang pertanian masih diteruskan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) walaupun tiada lagi rujukan "pertanian" setelah 70 tahun tertera pada namanya. Ini kerana bidang pertanian adalah teras dan tujuan asal penubuhannya, malah, disiplin berdasarkan bidang pertanian akan terus diperkuuhkan lagi mengikut dasar kerajaan dan keperluan masyarakat.

UPM terus membantu memodenkan sektor pertanian selaras dengan hasrat kerajaan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) menjadikan pertanian terutama pengeluaran bahan makanan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi yang ketiga selepas elektronik dan perkhidmatan. Dengan itu, kerajaan menerusi Kementerian Pertanian mahu menjadikan sektor pertanian negara sebagai industri yang menguntungkan dan menggunakan teknologi maju. Sehubungan itu, salah satu matlamat Pelan Strategi 10 tahun UPM (2001-2010) iaitu meningkatkan keupayaan UPM dalam penjanaan ilmu pertanian yang baru serta menghasilkan produk atau teknologi inovatif melalui penyelidikan.

17	Azizah Osman [Prof. Madya Dr.], Hasannah Mohd Ghazali [Prof. Dr.], Russly Abdul Rahman [Prof. Madya Dr.], Salmah Yusof [Prof. Madya Dr.], Liu Fanny, Hazniza Adnan dan Ali Ghanim Aziz <i>Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi</i> Azizah Osman [Assoc. Prof. Dr.], Hasannah Mohd Ghazali [Prof. Dr.], Russly Abdul Rahman [Assoc. Prof. Dr.], Salmah Yusof [Assoc. Prof. Dr.], Liu Fanny, Hazniza Adnan and Ali Ghanim Aziz <i>Faculty of Food Science and Biotechnology</i>	Enzyme-Aided Peeling of Local Citrus Fruits	Gangsa
		Enzyme-Aided Peeling of Local Citrus Fruits	Bronze
18	Badlishah Sham Baharin [Prof. Madya Dr.], Quek Siew Yong [Dr.], Chu Boon Seang dan Yaakub Che Man [Prof. Dr.] <i>Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi</i> Badlishah Sham Baharin [Assoc. Prof. Dr.], Quek Siew Yong [Dr.], Chu Boon Seang and Yaakub Che Man [Prof. Dr.] <i>Faculty of Food Science and Biotechnology</i>	Separation of Vitamin E from Palm Fatty Acid Distillate using Adsorption Chromatography	Gangsa
		Separation of Vitamin E from Palm Fatty Acid Distillate using Adsorption Chromatography	Bronze

Bil No.	Peserta Participant	Tajuk Penyelidikan Research Title	Pingat Medal
19	Borhanuddin Mohd. Ali [Prof. Dr.], Khalid Eltahir Mohamed Osman, V. Prakash, Ratna Kalos Zakiah Sahbudin, Nor Kamariah Noordin, dan Sabira Khatun [Dr.] <i>Fakulti Kejuruteraan</i> Borhanuddin Mohd. Ali [Prof. Dr.], Khalid Eltahir Mohamed Osman, V. Prakash, Ratna Kalos Zakiah Sahbudin, Nor Kamariah Noordin, and Sabira Khatun [Dr.] <i>Faculty of Engineering</i>	<i>Design of DS-CDMA Wireless Transmitter Using FPGA</i>	Gangsa
20	Mohd Shafree Ahmad dan Makhdzir Mardan [Prof. Madya Dr.] <i>Institut Multimedia dan Perisian</i> Mohd Shafree Ahmad and Makhdzir Mardan [Assoc. Prof. Dr.] <i>Institute of Multimedia and Software</i>	<i>Putranet-Virtual Office</i>	Gangsa
21	Mohd. Yazid Abd Manap [Prof. Madya Dr.], Shuhaimi Mustaffa, Abdul Manaf Ali [Prof.] dan Norehan Mohd Saleh <i>Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi</i> Mohd. Yazid Abd Manap [Assoc. Prof. Dr.], Shuhaimi Mustaffa, Abdul Manaf Ali [Prof.] and Norehan Mohd Saleh <i>Faculty of Food Science and Biotechnology</i>	<i>Bile Salt Hydrolase (BSH) from Probiotic <i>Bifidobacterium longum</i> for Hypercholesterolemia</i>	Gangsa
22	Othman Dato' Hj. Mohamed [Prof. Dr.] <i>Fakulti Pengajian Pendidikan</i> Othman Dato' Hj. Mohamed [Prof. Dr.] <i>Faculty of Educational Studies</i>	<i>Career Indecision-A Matrix Jobs Game</i>	Gangsa
23	Wan Md Zin Wan Yunus [Prof. Dr.], Dedy Suhendra, Mahiran Basri [Prof. Dr.], Md. Jelas Haron [Prof. Madya Dr.] dan Sidik Silong [Prof. Madya Dr.] <i>Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar</i> Wan Md Zin Wan Yunus [Prof. Dr.], Dedy Suhendra, Mahiran Basri [Prof. Dr.], Md. Jelas Haron [Assoc. Prof. Dr.] and Sidik Silong [Assoc. Prof. Dr.] <i>Faculty of Science and Environmental Studies</i>	<i>Enzymatic Synthesis of Hydroxanic Acids from Palm Oils</i>	Gangsa

PERINGKAT ANTARABANGSA

- 18th International Invention and New Product Exposition (INPEX) di Pittsburgh, USA pada 15-18 Mei 2002

INTERNATIONAL LEVEL

- 18th International Invention and New Product Exposition (INPEX) in Pittsburgh, USA on 15-18 May 2002

Bil Bil	Nama Pemenang Name	Fakulti/Institut Faculty/Institute	Anugerah Award
1	En. Ratnasamy Muniandy Mr. Ratnasamy Muniandy	Kejuruteraan Engineering	Anugerah Khas - <i>Award of Excellence</i> Special Award - <i>Award of Excellence</i>
2	En. Ratnasamy Muniandy Mr. Ratnasamy Muniandy	Kejuruteraan Engineering	Pingat Emas Gold Medal
3	En. Ratnasamy Muniandy Mr. Ratnasamy Muniandy	Kejuruteraan Engineering	Pingat Perak Silver Medal
4	Prof. Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din Prof. Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din	Perubatan Veterinar Veterinary Medicine	2 Pingat Perak 2 Silver Medals
5	Dr. Rosely Ab. Malik Dr. Rosely Ab. Malik	Kejuruteraan Engineering	Pingat Gangsa Bronze Medal

- Geneva International Invention Exhibition di Geneva, Switzerland pada 1-5 Mei 2002

- Geneva International Invention Exhibition in Geneva, Switzerland , 1-5 May 2002

Bil Bil	Nama Pemenang Name	Fakulti/Institut Faculty/Institute	Anugerah Award
1	Dr. Rosely Ab. Malik Dr. Rosely Ab. Malik	Kejuruteraan Engineering	Pingat Emas dan Anugerah Khas Juri Gold Medal and Jury's Special Award
2	En. Ratnasamy Muniandy Mr. Ratnasamy Muniandy	Kejuruteraan Engineering	Pingat Emas dan Anugerah Khas Juri Gold Medal and Jury's Special Award
3	Prof. Madya Dr. Azmi Yahya Assoc.Prof. Dr. Azmi Yahya	Kejuruteraan Engineering	Pingat Perak Silver Medal
4	Prof. Madya Dr. Mohd. Khazani Abdullah Assoc. Prof. Dr. Mohd. Khazani Abdullah	Kejuruteraan Engineering	Pingat Perak Silver Medal
5	Dr. Ishak Aris Dr. Ishak Aris	Kejuruteraan Engineering	Pingat Perak Silver Medal

INFRASTRUKTUR PENYELIDIKAN

RESEARCH INFRASTRUCTURE



Infrastruktur Penyelidikan

Penyelidikan Dalam Bidang Komuniti dan Keamanan

Dalam menangani cabaran kehidupan dunia yang semakin kompetitif, penyelidikan dalam bidang pendidikan komuniti dan pembangunan, pengajian belia, pemajuan desa, dan pengajian keamanan adalah penting ditubuhkan supaya menjadi sebuah pusat rujukan bertaraf kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Menepati hasrat dan cita-cita ini, maka pada 1 Januari 2002, Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA) telah ditubuhkan secara rasminya.

Penubuhan PEKKA adalah sebagai sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan. Visi PEKKA adalah menjadi peneraju penyelidikan unggul yang menyumbang kepada pembangunan mapan dan kesejahteraan sejagat. Selaras dengan penekanan terhadap bidang-bidang berkenaan, maka empat buah Laboratori telah ditubuhkan iaitu Laboratori Pendidikan Komuniti dan Pembangunan, Laboratori Pemajuan Desa, Laboratori Pengajian Belia dan Laboratori Pengajian Keamanan

Penyelidikan Matematik Bertaraf Dunia

Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM) merupakan institut pertama yang mengkhusus dalam bidang penyelidikan ilmu matematik. Institut ini telah ditubuhkan pada tanggal 1 April 2002 dan bertujuan untuk menyediakan ruang dan pusat untuk melaksanakan kegiatan penyelidikan matematik bertaraf dunia secara bersepadu dan bertumpu di kalangan ahli-ahli sains matematik UPM juga bersama-sama dengan pakar-pakar dari luar UPM sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Penyelidikan Dalam Bidang Gerontologi Dan Perubatan Geriatrik

Kepesatan bidang teknologi maklumat dan kejuruteraan di Malaysia pada masa ini sewajarnya tidak melupakan peranan warga tua yang pernah menyumbang kepada kesepatan pembangunan negara. Sejajar dengan itu, penyelidik-penyalidik di Fakulti Ekologi Manusia dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan telah mengorak langkah dengan penubuhan Institut Gerontologi (IG) yang ditubuhkan dengan rasminya pada Januari 2002

Research Infrastructure

Research in the Area of Community and Peace

In overcoming the challenges of global living which are becoming more competitive, it is important for research in the field of community studies and development, youth studies, rural development and peace studies be formulated so that it becomes a reference centre at national, regional and international levels. In line with this ambition, the Institute of Community and Peace Studies (PEKKA) was officially set up on 1 January 2002.

The setting up of PEKKA is to cater for the establishment of an excellent research and development centre (R&D) in the field social of sciences and humanities. The vision of PEKKA is to become a leading research pioneer, which contributes to sustainable development and global peace. In line with the emphasis on these related areas, four laboratories were formed, namely, Community and Development Studies Laboratory, Rural Development Laboratory, Youth Studies Laboratory, and Peace Studies Laboratory.

World Class Mathematical Research

The Mathematical Research Institute (INSPEM) is the first institute specialising in the field of mathematical research. The institute was formed on 1st April 2002 with the objective of providing space and centre for undertaking an integrated, world class mathematical research activities which focused on UPM's mathematical science members along with experts from outside UPM, either at the national or international level.

Research in the Fields of Gerontology and Geriatric Medicine

It is only fair for the current rapid advancement of information technology and engineering in Malaysia not to forget the role played by senior citizens who have previously contributed towards the country's rapid development. In line with this, researchers at the Faculty of Human Ecology and Faculty of Medicine and Health Sciences have paved the way for the formation of the Gerontology Institute (IG) which was officially established in January 2002. It is hoped that the Gerontology Institute will lead a multidisciplinary research approach for increasing knowledge related to physiology aspects, psychology, social clinical, rehabilitation and the aging

Institut Gerontologi diharapkan dapat menerajui penyelidikan terapan antara pelbagai bidang untuk meningkatkan pengetahuan berhubung dengan aspek fisiologi, psikologi, sosial klinikal, pemulihan dan tingkah laku penuaan. Selain itu, ia juga diharapkan untuk menjadi pusat rujukan (*one stop referral center*) berhubung dengan penyelidikan dan maklumat mengenai bidang gerontologi dan perubatan geriatrik.

Walaupun masih setahun jagung penubuhannya, Institut Gerontologi telah mendapat kepercayaan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Tua Kebangsaan dan agensi bertanggungjawab untuk memberi nasihat teknikal kepada penyediaan perkhidmatan sosial dan kesihatan warga tua di Malaysia.

Menyokong Sektor Teknologi Maju

Pada tahun 2002, Institut Teknologi Maju (ITMA) telah menyusun semula enam laboratori sedia ada dan menubuhkan 1 laboratori baru untuk menerajui penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang terkehadapan dalam sains fizik, teknologi maklumat dan kejuruteraan. Pemanjangan skop penyelidikan ke bidang antara disiplin atau dari segi pemerincian bidang penyelidikan yang lebih mendalam dibuat melalui 7 laboratori iaitu Laboratori Bahan Maju (*Advanced Materials Laboratory – AML*), Laboratori Bio-Kejuruteraan (*Bio-Engineering Laboratory – BEL*), Laboratori Sistem Sepadu Berkomputer (*Computer Integrated Systems Laboratory – CISL*), Laboratori Sistem Cerdik dan Robotik (*Intelligent Systems and Robotics Laboratory – ISRL*), Laboratori Pemodelan Spatial dan Berangka (*Spatial and Numerical Modelling Laboratory – SNML*), Laboratori Pengajian Teori (*Theoretical Studies Laboratory – TSL*) dan Laboratori Teknologi Automotif Maju (*Advanced Automotive Technology Laboratory – AATL*)

Akademi Hutan Hujan (Rainforest Academy)

Akademi Hutan Hujan (*Rainforest Academy*) secara rasminya ditubuhkan pada tahun 2002 bagi menjalankan kajian dan khidmat perundingan secara integrasi dan mensintesis hasil-hasil penyelidikan Ilmu Hutan Hujan dengan menggunakan ICT. Tujuan utama penubuhan ini adalah untuk meningkatkan kebolehan dan

behaviour, as well as become a one-stop referral centre for research and information on gerontology and geriatric medicine.

Although still in its infancy of formation, the Gerontology Institute has received the trust of the Council for National Advisory and Consultancy for Senior Citizens which is the agency responsible for providing technical advice in the preparation of social services and health of senior citizens in Malaysia.

Supporting Advanced Technology Sector

In 2002, the Advanced Technology Institute (ITMA) restructured six of the existing laboratories and formed one new laboratory for pioneering research and development in the advanced fields of physics, information technology and engineering. The extension of research scope to multidisciplinary fields or via in depth fields of research was undertaken through 7 laboratories viz. Bio-Engineering Laboratory (BEL), Computer Integrated Systems Laboratory (CISL), Intelligent Systems and Robotics Laboratory (ISRL), Spatial and Numerical Modelling Laboratory (SNML), Theoretical Studies Laboratory (TSL) and Advanced Automotive Technology Laboratory (AATL).

Rainforest Academy

The Rainforest Academy was officially formed in 2002 to undertake studies and consultancy services via the integration and synthesis of research findings on rainforest using ICT. The main objective of its formation was to increase the nation's expertise and capability towards achieving Vision 2020. The formation of this Academy is expected to enable it to act as a think-tank group and reference resource centre, especially in the strategy and policy perspectives, in the efforts of development of rainforest knowledge. In fact, it will also act as a major forum for cooperation between experts and cross expertise at the UPM level as well as involving external agencies (e.g. through fellowship programmes), determining strategic directions of various activities and processes in the development and progress of rainforest knowledge, especially in handling issues on biodiversity. It also assists the nation to be prepared and be more competitive in the global arena through capability

keupayaan negara ke arah pencapaian Wawasan 2020. Penubuhan Akademi ini diharap dapat bertindak sebagai suatu kumpulan pemikir (*think-tank*) dan pusat sumber rujukan, terutama sekali dari perspektif strategi dan polisi, dalam usaha pembangunan ilmu Hutan Hujan. Malah, ia juga sebagai satu forum utama bagi usaha sama antara pakar dan antara kepakaran bersilang, sama ada di peringkat dalaman UPM atau agensi di luar UPM (contohnya melalui program *fellowship*), menentukan hala tuju strategik pelbagai aktiviti dan proses, dalam pembangunan dan kemajuan ilmu Hutan Hujan, terutama sekali dalam menangani isu biodiversiti.

Ia juga dapat membantu menyediakan negara supaya mampu bersaing dalam arena global, melalui pembangunan keupayaan dan kebolehan repositori, dalam Ilmu Hutan Hujan.

Institut Biosains

Selepas meniti usia enam tahun penubuhannya sejak 1996, Institut Biosains terus meningkatkan Penyelidikan & Pembangunan (R&D) dalam bidang-bidang sains biologi. Tumpuan lebih menjurus dalam bidang makanan, tanaman, kesihatan, akuakultur, bioperubatan, pemuliharaan dan penggunaan sumber genetik, produk semula jadi, farmaseutikal dan nutriseutikal yang akan mengukuhkan keupayaan sains dan teknologi kebangsaan serta pembangunan sumber manusia demi menyokong Pelan Induk Perindustrian dan Pertanian Negara.

Sebagai pengurus dan penyedia kemudahan perkhidmatan pusat kecemerlangan dan penyelidikan, Institut Biosains telah menyusun semula unit-unit sedia ada kepada 4 laboratori; Laboratori Fitoubatan, Laboratori Teknologi Enzim dan Mikrob, Laboratori Biologi Molekul dan Sel dan Laboratori Farmaseutikal dan Nutriseutikal bagi melicinkan dan menambah keberkesanan pentadbiran dan pengurusan sumber dan kemudahannya.

Institut Multimedia dan Perisian (IMP)

Institut Multimedia dan Perisian (IMP) telah ditubuhkan pada tahun 2001 selepas penggabungan Institut Multimedia dan Institut Pembangunan Perisian. Pada tahun 2002, Institut

development and repository capacity in rainforest knowledge.

Bioscience Institute

After six years of its establishment since 1996, the Bioscience Institute continues to increase its research and development in the fields of biological sciences. The emphasis is on the areas on food, crop, health, aquaculture, biomedical, conservation and use of genetic resources, natural products, pharmaceuticals and neutraceuticals, which will strengthen the national science and technology capability as well as human resource development for supporting the Main National Industrial and Agricultural Plan.

As the manager and provider of service facilities for the centre of excellence and research, the Bioscience Institute has restructured all existing units into four laboratories: Phytomedical Laboratory, Enzyme and Microbial Technology Laboratory, Molecular Biology and Cell Laboratory and Pharmaceutical and Neutraceutical Laboratory, to enhance the efficiency of the administration and management of its resources and facilities.

Multimedia and Software Institute (IMP)

The Multimedia and Software Institute (IMP) was formed in 2001 after the merger of the Multimedia Institute with the Software Development Institute. In 2002, the Multimedia and Software Institute restructured all its research units into four laboratories, namely, Informatics Laboratory, Multimedia and Software Development Laboratory, Wide Computation Laboratory, and Teaching and Innovative Multimedia Laboratory.

Among the success achieved by the institute in 2002 is the setting up of the Office Automation System called 'Putranet'. It is a system that facilitates the human resource management of the institute and seven other UPM responsibility centres that utilise it. 'Putranet' facilitates human resource management because all administrative management procedures can be applied online. 'Putranet' includes various office management according to various specific functions, such as time clock, news, forum, calendar, directory, meeting minutes, and filing systems.

Multimedia dan Perisian telah menyelaraskan semula unit-unit penyelidikannya kepada 4 Laboratori iaitu Laboratori Infomatik Terapan, Laboratori Multimedia dan Pembangunan Perisian, Laboratori Komputeran Meluas dan Laboratori Pengajaran dan Inovasi Multimedia.

Antara kejayaan yang telah dicapai oleh Institut ini pada tahun 2002 ialah membangunkan Sistem Pengautomasian Pejabat yang dinamakan "Putranet". Ianya merupakan satu sistem yang memudahkan pengurusan sumber manusia IMP sendiri dan 7 pusat tanggungjawab lain di UPM yang menggunakaninya. "Putranet" memudahkan pengurusan sumber manusia kerana semua kaedah pengurusan pentadbiran diaplikasikan secara *online*. "Putranet" memuatkan pelbagai pengurusan pejabat, mengikut fungsi tertentu seperti perakam waktu, berita, forum, kalender, direktori, minit mesyuarat, sistem pemfailan dan sebagainya.

KEGEMILANGAN PENYELIDIKAN BERTARAF DUNIA

WORLD CLASS RESEARCH EXCELLENCE



Kegemilangan Penyelidikan Bertaraf Dunia

Kemenangan Fiber Mastic Asphalt

Dua penyelidik UPM, Encik Ratnasamy Muniandy dan Prof. Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi berjaya mengharumkan nama negara apabila produk ciptaan mereka "Use of Cellulose oil palm fiber in Fiber Mastic Asphalt paving compound" telah memenangi pingat emas dalam pertandingan Reka Cipta Antarabangsa di Pittsburgh, Amerika Syarikat. Pameran terbesar di Amerika Syarikat ini dikenali sebagai *International Invention and New Product Exposition* (INPEX) yang ke-18.

Produk ini dicipta hasil penggunaan gentian selulosa kelapa sawit dalam turapan jalan yang mampu mengurangkan kos pembinaan jalan sehingga 20-25% di samping mempunyai ketahanan dan kestabilan yang tinggi.

Kemenangan Winskipezy

Prof. Madya Dr. Arfah Salleh menjadi penyelidik tunggal UPM memenangi Pingat emas di Pameran Antarabangsa Rekacipta, Inovasi, Reka Bentuk Industri dan Teknologi 2002. Produk ini terpilih dalam Kategori Inovasi, Rekacipta kepada Pendidikan. Winskipezy yang dibangun dan dikomersialkan dengan kerjasama Syarikat Acc Track21 Sdn. Bhd. merupakan satu perisian komputer bagi menyelesaikan pembelajaran dan latihan dalam bidang perakaunan kewangan.

Apa yang membanggakan, Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MACPA) telah memberi pengesahan kualiti untuk digunakan dalam pembelajaran dan latihan perakaunan kewangan. Manakala Jabatan Teknikal Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga mengesahkan kesesuaian Winskipezy sebagai alat pengajaran dan pembelajaran Prinsip Akaun untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kemenangan Komposit

Hasil penyelidikan Prof. Madya Dr. Mohd. Zobir Hussain dan kumpulan penyelidiknya telah berjaya dipilih sebagai pemenang tunggal anugerah khas "Mars Special Award" dalam Pertandingan Rekacipta dan Inovasi Sains 2002.

World Class Research Excellence

Fibre Mastic Asphalt – Gold Medal

Two UPM researchers, Mr.Ratnasamy Muniandy and Prof. Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi have made the nation proud by winning the gold medal for their product invention, "Use of cellulose oil palm Fibre Mastic Asphalt paving compounds" in the International Invention competition held in Pittsburgh, USA. The exhibition, which was the largest in the USA, is known as the 18th International Invention and New Product Exposition (INPEX).

This product was invented from the use of cellulose oil palm fibre in road pavements, which could reduce road construction cost up to 20 – 25%, as well as having high resistance and stability.

Winskipezy – Win

Associate Professor Dr. Arfah Salleh became the sole UPM winner of the gold medal at the International Exhibition on Invention, Innovation, Industrial Design and Technology 2002. Her product won the Innovation, Design for Education Category. Winskipezy, which was developed and commercialised by UPM with the cooperation of Acc Track 21 Company Ltd., is a computer-software for solving learning and training in financial accounting.

The Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA) has confirmed its quality for utilisation in the learning and training of financial accounting. The Technical Department of the Ministry of Education Malaysia (KMM) has also confirmed the suitability of Winskipezy as a teaching and learning tool for Accounting Principles for Malaysian Certificate of Education (SPM).

Nano-Composite – Win

The research findings of Associate Professor Dr. Mohd Zobir Hussain and his research group was successfully selected as the sole winner of the special award ("Mars Special Award") in the Science Invention and Innovation 2002 Competition.

The invented product concerned the preparation and characterisation of nano-composite as a controlled-release formulation of plant growth regulator a-naphthalene acetate. In the study, the researchers

Produk ciptaan beliau berkisar tentang penyediaan dan pencirian nanokomposit sebagai formulasi pelepasan terkawal pengatur pembesaran tumbuhan, *a-naphthalene acetate (preparation and characterization of nanocomposite as a controlled-release formulation of a plant growth regulator, a-naphthalene acetate)*. Dalam kajian itu, para penyelidik ini telah berjaya menghasilkan formulasi baru perlepasan terkawal melalui manipulasi pada skala nano.

Maklumat terperinci mengenai formulasi ini telah diterbitkan di dalam *Journal of Controlled Release*, 82, 417-427 (2002), *Journal of Nano Science and Nano Technology*, 2, 1-4 (2002) dan *Journal of Materials Synthesis and Processing*, 10, 89-95 (200).

successfully produced a new controlled release formulation by the manipulation of the nano scale.

Detailed information of the formulation was published in the *Journal Controlled Release*, 82, 417-427 (2002), *Journal of Nano Science and Nano Technology*, 2, 1-4 (2002) and *Journal of Materials Synthesis and Processing*, 10, 89-95 (2002).

Khidmat Runding Cara

Taman Pertanian Universiti (TPU)

Dalam meningkatkan keupayaan UPM sebagai pusat pengajian dan perkhidmatan pertanian dan biosumber terkemuka di peringkat antarabangsa, Taman Pertanian Universiti (TPU) menjadi salah satu entiti penting untuk merealisasikan harapan tersebut. Taman Pertanian Universiti telah membantu dan melaksanakan rancangan pembangunan fizikal dan akademik Universiti di samping memajukan kampus sebagai taman pertanian ulung yang lengkap dengan taman botani, khazanah sumber genetik pertanian (*bank genetic*), muzium pertanian (statik dan hidup), Pusat Ekuin (*Riding School*), e-Ladang dan *Agric Portal*, ladang/bidang usaha contoh (*showcase*), kawasan rekreasi, stesen penyelidikan dan program pembangunan Agroteknopreneur.

Antara komponen-komponen fizikal sedia ada dan yang akan dibangunkan di TPU ialah:

- *Educational Meadows*
- Kompleks Penyelidikan UPM (Ladang Puchong)
- Kompleks Mekanisasi
- Kompleks Penyelidikan Pertanian Terkawal
- Kompleks Biji Benih dan Pasca Tuai
- Kompleks Pengeluaran Benih
- *Putra Dairy*
- Pembangunan Pusat Latihan Kemahiran
- Pusat Ekuin (*Riding School*)
- e-Ladang dan *Agric Portal*
- Pembangunan kawasan Bukit Ekspo sebagai Pusat Pameran (*Exhibition Centre*) dan Muzium Pertanian
- Mewujudkan Bank Genetik untuk pengumpulan bahan-bahan tanaman sebagai rujukan

TPU sebagai Pusat Pembangunan Agroteknopreneur

Satu kawasan khusus juga telah dikenal pasti sebagai pusat pembangunan Agroteknopreneur. Program khusus ini dirancang untuk mengenal pasti bakal usahawan pertanian di kalangan pelajar yang berkelayakan dan seterusnya didedahkan dengan pelbagai bentuk latihan untuk mendidik, melatih dan sebagai persediaan kepada mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya. Peserta program

Consultancy Services

University Agriculture Park (TPU)

In increasing UPM's capability as a well-known centre for studies and services for agriculture and bioresources at the international level, the University Agriculture Park (TPU) has become one of the important entities to realise its aspiration. The University Agriculture Park has assisted in and implemented the University's physical development and academic plans, as well as developed the campus as a major agriculture park comprising botanical gardens, agriculture genetic resources bank, agriculture museum (static and living), equine centre (riding school), e-farming and agriculture portal, farm/fields of entrepreneur showcase, recreational centre, a research station and an Agrotechnopreneur development programme.

Among the existing physical components and those that will be developed by TPU are:

- Educational Meadows
- UPM Research Complex (Puchong farm)
- Mechanization Complex
- Controlled Agriculture Research Complex
- Seed and Post Harvest Complex
- Seed Production Complex
- Putra Dairy
- Development of Skill Training Centre
- Equine Centre (Riding School)
- E-farm and Agriculture Portal
- Development of the Expo Hill compound as an exhibition centre and Agriculture Museum.
- Establishing a genetic bank for collection of plant materials as a reference source.

TPU as an Agrotechnopreneur Development Centre

A specific location has been identified for establishing the Agrotechnopreneur Development Centre. A specialised programme is planned to identify future agrotechnopreneurs among students who are qualified, who will then be exposed to various forms of training, to educate and prepare them for becoming potential successful entrepreneurs. Programme participants will be provided with in-depth training, including exposure to the real world of business, with encouragement and guidance from appointed experts. This program will eventually produce successful university graduate agrotechnopreneurs who will bring benefits to the University, public and nation.

dilatih secara mendalam termasuk pendedahan kepada dunia sebenar perniagaan dengan dorongan dan bimbingan pakar-pakar yang dilantik. Program ini pada akhirnya telah dan akan melahirkan graduan universiti sebagai usahawan pertanian yang berjaya dan memberi manfaat kepada universiti, masyarakat dan negara.

Pusat Pembangunan Perniagaan (UBC)

Perubahan suasana ekonomi memberi impak kepada persaingan untuk menjana pendapatan. Universiti Putra Malaysia telah mengambil langkah bijak dalam meningkatkan sumber pendapatan dalamannya melalui Pusat Pembangunan Perniagaan (UBC) terutamanya melalui perkhidmatan Runding Cara iaitu penawaran program penyelidikan secara kontrak dan program latihan profesional.

UPM optimis untuk memberikan perkhidmatan runding cara yang terbaik kepada mana-mana institusi awam atau swasta yang berminat untuk menjalankan kerjasama mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan yang berpotensi. Antara institusi tersebut ialah Pusat Inkubator UPM-MTDC, Taman Bioteknologi, Putra Infoport yang membangunkan teknologi pintar bagi membantu Koridor Raya Multimedia (MSC). Institusi dalaman UPM seperti Institut Biosains, Institut Teknologi Maju (ITMA), Institut Multimedia dan Perisian (IMP) dan fakulti-fakulti di UPM turut mengambil peluang dalam menjana pendapatan universiti melalui khidmat runding cara yang ditawarkan oleh Pusat ini. Usaha ini dapat diperkuatkan lagi dengan penubuhan UPM Holdings Berhad yang diluluskan penubuhannya pada akhir tahun 2002.

University Business Centre (UBC)

The changes in the economic scenario have resulted in competitiveness for generating income for the University. Universiti Putra Malaysia has taken a good move to increase its source of internal income through the University Business Centre (UBC), especially through consultancy services, i.e. by offering contract research and professional training programmes.

UPM is optimistic in providing the best consultancy services to any public or private institutions, which are interested in forging cooperation for commercialisation of potential research findings. Amongst the institutions that have been established via such cooperation are the UPM Incubator Centre – MTDC, Biotechnology Park, Putra Infoport, which has developed SMART technology in assisting Multimedia Super Corridor (MSC). UPM institutions such as Bioscience Institute, Advanced Technology Institute (ITMA), Multimedia and Software Institute (IMP), and various faculties at UPM have also taken the opportunity to generate University income through consultation services offered by the Centre. The UBC's effort is further strengthened by the setting up of UPM Holdings Berhad, whose formation was approved at the end of 2002.

Pengurusan Berkualiti

Quality Management

Pensijilan MS ISO 9000

UPM telah memulakan usaha membentuk sistem pengurusan yang berkualiti dan diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui Pensijilan MS ISO 9000:2000. Ini akan memastikan bahawa proses peningkatan kualiti pengurusan dilaksanakan secara berterusan selaras dengan peningkatan kualiti secara menyeluruh.

Pada tahun 2002, Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar telah berjaya mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9001, selepas kejayaan Fakulti Perubatan Veterinar (1999) dan Fakulti Kejuruteraan (2001). Fakulti Perubatan Veterinar dan Fakulti Kejuruteraan juga mengekalkan persijilan mereka setelah melepas *surveillance audit* masing-masing pada tahun 2002. Fakulti-fakulti lain seperti Fakulti Ekologi Manusia, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan Fakulti Pertanian serta semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) lain juga sedang giat merancang dan mengambil tindakan perlu untuk mencapai pengiktirafan yang sama. Dalam tempoh yang sama, Fakulti Kejuruteraan UPM telah berjaya memenangi tempat kedua bagi Anugerah Kualiti Y.A.B. Menteri Besar Selangor 2002.

Piagam Pelanggan dan Etika Kerja UPM

Untuk menjadi sebuah organisasi yang disegani dan berkualiti tinggi, UPM perlu melipat-gandakan usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya. Pada 20 Jun 2002, serentak dengan Majlis Pelancaran Pelan Strategi UPM 2001 – 2010, Etika Kerja UPM telah dilancarkan. Pelancaran ini bertujuan untuk mananamkan sifat positif dalam menjalankan tugas dan meningkatkan perkhidmatan yang cemerlang bagi memenuhi kehendak pelanggan dan seterusnya dapat memupuk budaya kerja yang berasaskan kepada nilai-nilai murni. Dengan berpandukan Etika Kerja ini UPM akan dapat melaksanakan Pelan Strategi dengan lebih cekap dan berkesan.

MS ISO 9000 Certification

UPM has embarked on the establishment of an internationally recognised quality management system through MS ISO 9000:2000 certification to ensure that the quality management improvement process is continuously implemented in line with the overall improvement of quality.

In year 2002, the Faculty of Science and Environmental Studies succeeded in achieving MS ISO 9001 certification following the success of the Faculty of Veterinary Medicine in 1999 and the Faculty of Engineering in 2001. The Faculty of Veterinary Medicine and the Faculty of Engineering have revalidated their MS ISO 9001 certification after successfully undergoing surveillance audits in 2002. In the same year, the Faculty of Engineering won second place for the 'Anugerah Kualiti Menteri Besar Selangor 2002'. Currently, other Faculties and Centres of Responsibility such as the Faculty of Human Ecology, Faculty of Economics and Management and Faculty of Agriculture are actively planning and working towards achieving similar recognition.

UPM Client Charter and Work Ethics

UPM must strive to enhance the quality of its services in order to be a high quality and respectable organisation. UPM Work Ethics was launched concurrently with the launching ceremony of UPM 2001-2010 Strategic Plan on 20th June 2002. The objectives of the Work Ethics are to instil positive attitudes toward performing one's duties and to enhance service excellence in fulfilling clients' needs, as well as to nurture a working culture based on pure values. UPM will thus be able to implement the Strategic Plan effectively and efficiently based on the guidelines provided by the Work Ethics.

Tenaga Kerja Berkualiti

Bagi membangunkan sumber manusia serta meningkatkan persekitaran profesional yang cemerlang, pada tahun 2002, seramai 286 orang telah dilantik mengisi pelbagai kekosongan jawatan. Daripada jumlah itu, seorang dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 150 orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 135 orang dari Kumpulan Sokongan. Sementara itu, seramai 70 orang dari Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 228 orang pegawai Kumpulan Sokongan telah dilantik secara kontrak bagi melancarkan perjalanan aktiviti-aktiviti Universiti.

Di samping itu, seramai 275 orang pegawai UPM telah dinaikkan pangkat, 52 orang telah bersara dan 89 orang telah diluluskan cuti belajar bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang Sarjana (16) dan Doktor Falsafah (73) di dalam dan luar negara sepanjang tahun. Di samping itu, seramai 29 orang pegawai akademik telah diluluskan cuti sabatikal.

UPM juga telah menganugerahkan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada 185 orang yang terdiri dari 74 orang Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 111 orang Kumpulan Sokongan. Selain itu, UPM juga memperkenalkan tiga Anugerah lain mulai 2002 iaitu Anugerah Setia Putra kepada 174 orang pegawai, Anugerah Jasa Putra kepada 39 orang pegawai dan Anugerah Jasamu Dikenang kepada 6 orang pegawai. Anugerah-anugerah ini diberi sebagai menghargai jasa para pegawai UPM yang telah berkhidmat lebih dari 20 tahun, meninggal dunia semasa bertugas dan yang telah bersara. Selain itu, 5 orang pegawai telah dianugerahkan Anugerah *Fellowship Naib Canselor*.

Quality Workforce

In order to develop human resource and to enhance professional environment excellence, a total of 286 people were appointed to fill up various vacancies. This includes 1 appointment for the Higher Management Group, 150 for the Management and Professional Group, and 135 for the Support Group. Meanwhile, 70 staff members from the Management and Professional Group and 228 from the Support Group were appointed on a contract basis to assist in managing the University activities.

In addition, a total of 275 UPM officers were promoted, 52 retired, and 89 were granted study leave for pursuing their studies at Master's (16) and PhD (73) levels locally and abroad throughout the year. 29 academic officers were also granted sabbatical leave.

A total of 185 staff consisting of 74 officers from the Management and Professional Group and 111 from the Support group was also given the Excellent Service Award. Besides this, UPM has also introduced and given three new Awards, namely Setia Putra Award to 174 officers, Jasa Putra Award to 39 officers and Jasamu DiKenang Award to 6 officers. The awards were given to UPM officers who have served and contributed to the University for more than 20 years, those who have died while in service, and those who have retired. 5 officers were also given the Vice Chancellor Fellowship Award.

PENGURUSAN INFRASTRUKTUR

INFRASTRUCTURE MANAGEMENT



Pengurusan Infrastruktur

Keaktifan pembangunan fizikal UPM adalah seiring dengan kepesatan penambahan populasi pelajarnya. Ini bagi mewujudkan keseimbangan supaya semua kemudahan yang disediakan memberi keselesaan dan mencukupi untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan cemerlang. Program pembangunan yang dirancang dilaksanakan selari dengan kedudukan UPM di perjiranan Putrajaya dan Cyberjaya yang menjadikan Universiti sebagai Bandar Universiti Dalam Koridor Raya Multimedia.

Bersesuaian dengan identiti asalnya yang berasaskan pembangunan sektor pertanian, UPM menggunakan Konsep Agropolis bagi pelan induk pembangunannya. Konsep yang hanya diamalkan di Bandar-bandar seperti di Perancis dan Amerika Syarikat itu diterapkan dalam pelan induk yang dilaksanakan dalam program pembangunannya. Sistem *Cluster* yang diwujudkan akan menjadikan UPM sebagai kampus terancang yang akan mempunyai Bandar Perubatannya sendiri yang akan menempatkan Kompleks Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Perubatan Veterinar, Institut Gerontologi, zon Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan Zon Sukan dan Rekreasi.

Sehingga kini, UPM yang berkeluasan 1,200 hektar, telah menggunakan sepenuhnya kawasan tersebut dengan pelbagai projek pembangunan yang dibangunkan sejak lebih 70 tahun usia penubuhannya. Sepanjang tahun 2002, UPM telah meluluskan 34 projek pembangunan di Kampus Serdang dan Bintulu meliputi projek pembinaan baru, kerja-kerja menaik taraf, pengubahsuaian dan perolehan peralatan utama di infrastruktur sedia ada termasuk di bangunan-bangunan yang menempatkan Bangunan Pentadbiran, akademik dan 14 buah kolej kediaman.

Pencapaian cemerlang Bahagian Pembangunan telah menyakinkan kerajaan untuk memperuntukkan RM400 juta untuk projek pembangunan Universiti dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8). Peruntukan Kerajaan bagi maksud pembangunan fizikal pada tahun 2002 adalah sebanyak RM169.4 juta, manakala peruntukan selebihnya ditampung oleh Kumpulan Wang Pembangunan UPM.

Infrastructure Management

The active physical development of UPM is parallel to the continuous growth of its student population. This is to create a balance in ensuring that all facilities provided are sufficient and comfortable to produce graduates of high quality and excellence. The planned development programmes correspond with UPM's proximity to Putrajaya and Cyberjaya, transforming the University into a University Town within the Multimedia Super Corridor.

In accordance with its initial agricultural sector development-based identity, UPM utilises the Agropolis concept which is used only in France and USA for its Development Masterplan and are implemented through the development programmes. The creation of cluster system will turn UPM into a well-planned campus with its own Medical Town that locates the Faculty of Medical and Health Science complex, the Faculty for Veterinary Medicine, Institute for Gerontology, Research and Development Zone, and Sports and Recreation Zone.

To date, all 1,200 hectares of UPM land area have been fully utilised with various development projects implemented throughout its 70 years of establishment. In 2002, UPM has approved 34 development projects at Serdang and Bintulu, which includes new construction projects, upgrading work, renovation and procurement of major equipment in the present infrastructure including the Administrative building, academic building and 14 residential colleges.

The outstanding achievement of the University Development Division has convinced the Government to allocate RM400 million in the Eighth Malaysian Plan (RMK8) for the University development projects. The Government allocated RM 169.4 million for the physical development of the university in 2002, while the deficit was financed through UPM Development Fund.

SUMBER INFORMASI, KOMUNIKASI DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

**INFORMATION, COMMUNICATION AND
INFORMATION TECHNOLOGY RESOURCES**

Sumber Informasi, Komunikasi Dan Teknologi Maklumat

Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Tahun 2002 merupakan tahun berasihah bagi Perpustakaan UPM apabila pada 23 Mei 2002, Perpustakaan telah dinamakan Perpustakaan Sultan Abdul Samad sempena Almarhum Sultan Sir Abdul Samad Ibni Raja Abdullah, Sultan Selangor Keempat. Majlis dirasmikan oleh Tuanku Canselor UPM, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.


Koleksi-koleksi Perpustakaan terus berkembang dengan pertambahan bahan-bahan rujukan baru untuk menyokong program-program yang sedia ada dan juga program-program baru. Sehingga Oktober 2002, jumlah keseluruhan koleksi Perpustakaan UPM, termasuk koleksi di Perpustakaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Perpustakaan Fakulti Perubatan Veterinar ialah sebanyak 445,766 naskhah. Jumlah ini meliputi semua koleksi buku dan jurnal berjilid. Dalam tempoh yang sama, koleksi bahan pandang dengar berjumlah 69,355 unit yang meliputi 37,640 judul. Bagi jurnal, Perpustakaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan langganan kepada "e-Journals" untuk memudahkan pengguna mengakses jurnal yang mereka minati. Sepanjang tahun 2002, sebanyak 5 langganan baru telah dibuat sementara 2 langganan terdahulu dibatalkan.

Information, Communication And Information Technology Resources

Sultan Abdul Samad Library

The year 2002 was a historic year for UPM Library. On 23 May 2002, the UPM Library was renamed Sultan Abdul Samad Library, after the Fourth Sultan of Selangor, Almarhum Sultan Sir Abdul Samad Ibni Raja Abdullah. The ceremony was officiated by UPM Chancellor, His Royal Highness Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

The Library is continuously expanding its collection with the addition of new reference materials to support the existing and new programmes at the University. As of October 2002, the total collection for UPM Library, including copies of books and bind journals from the libraries of the Faculty of Medicine and Health Sciences and the Faculty of Veterinary Medicine was 445,766. In addition, there were also 69,355 units of Audio Video material covering 37,460 topics. The Library is continuously increasing its subscription to 'e-journals' to facilitate its users in accessing their journals of interest. Throughout 2002, 5 new subscriptions were made while 2 previous subscriptions were terminated.



Dasar Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT)

Sebagai sebuah universiti yang terletak dalam pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), UPM tidak dapat lari dari menerima kesan limpahan kepesatan pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Kesan ini amat ketara terhadap pengajaran, pembelajaran, pendidikan dan penyelidikan. Selain memperkenalkan kaedah Aplikasi Kuliah *on-line* melalui e-Universiti pada tahun sebelumnya, UPM telah memperluaskan lagi e-Universiti dengan menyediakan kemudahan SMS menerusi telefon bimbit untuk pelajar mendapat maklumat mengenai kemasukan dan keputusan peperiksaan. Kemudahan seperti ini akan dapat memberi peluang kepada pelajar mendapat akses kepada maklumat berkenaan dengan lebih cepat. Kemudahan ini akan diteruskan dan diperluaskan meliputi jadual waktu kuliah, pendaftaran dan sebagainya. Pusat Kesihatan Pelajar pula telah memulakan sistem e-Klinik yang mana semua proses perawatan dijalankan secara berkomputer keseluruhannya.

Dalam menangani cabaran ICT dan e-Universiti juga, UPM telah menggubal dan memperkenalkan Dasar ICT Universiti. Ia mengandungi wawasan umum Universiti tentang peranan dan ciri-ciri ICT, yang antara lain meliputi :

- Perkhidmatan ICT yang relevan kepada Universiti;
- Tindakan yang perlu diambil untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut;
- Prinsip infrastruktur ICT Universiti;
- Ciri-ciri utama persekitaran pengurusan ICT untuk memastikan ketahanan, kecekapan, mesra pelanggan, keselamatan operasi dan penyerahgunaan (*deployment*) semua perkhidmatan ICT.

Dari segi penggunaan ICT secara umumnya, UPM akan terus memberikan latihan secara berterusan kepada staf untuk membolehkan mereka menggunakan ICT dengan cekap dan berkesan. Di samping usaha dan komitmen Universiti menyediakan kemudahan prasarana dan latihan untuk ICT, warga UPM kini bersedia mendepani cabaran ini. Warga UPM juga telah mengambil peluang untuk mempertingkatkan kompetensi masing-masing dalam ICT kerana cara lama bekerja tidak lagi relevan jika ingin terus bersaing di peringkat antarabangsa.

Information and Communication Technology Policy

Situated within the Multimedia Supercorridor, UPM is inevitably affected by the rapid and dynamic Information and Communication Technology (ICT) development. In particular, this development has a significant impact on teaching, learning, education and research. Besides introducing an on-line lecture application via e-University in the previous year, UPM has expanded the e-University concept by providing SMS facilities for students to obtain enrolment information and examination results via mobile phones. Such facilities will enable students a quicker access to the information and will be extended to include lecture schedule, registration and other administrative matters. The Student Health Centre has implemented the e-Clinic system, whereby the whole process of consultation is computerised.

UPM has also formulated and introduced the University ICT Policy to manage the challenges posed by ICT and e-University. The policy comprises the University's general vision regarding the role and characteristics of ICT, which include among others:

- Relevant ICT services to the University
- Action required to implement the service
- The principles of University ICT infrastructure
- ICT management environment main characteristics that will ensure durability, efficiency, client friendly, security of operations and deployment of all ICT services.

In terms of the general usage of ICT, UPM will continuously train its staff to enable them to efficiently and effectively use ICT. The effort and commitment of the University in providing the facilities and training have prepared UPM community to face the ICT challenges. The UPM community has also taken the opportunity to enhance their ICT competency in order to remain competitive internationally.

Knowledge Management

The Knowledge Management Centre was established on 2 January 2002 with the approval of the University management. Its establishment was aimed at strengthening and systematically exploiting the usage of information and expertise to enhance UPM's innovation, credibility and proficiency in performing its duties. To achieve these objective, the Knowledge Management Centre has taken various steps to provide the necessary infrastructure and system as part of the knowledge management initiatives and activities at UPM.

Pengurusan Ilmu

Pusat Pengurusan Ilmu (PPI) telah ditubuhkan pada 2 Januari 2002 setelah penubuhannya diluluskan oleh Pihak Pengurusan. Pusat ini ditubuhkan untuk mengukuh serta memanfaatkan penggunaan maklumat dan kepakaran secara sistematis bagi meningkatkan tindak balas, inovasi, keterampilan dan kecekapan UPM dalam menjalankan tanggungjawabnya. Untuk mencapai matlamat tersebut, Pusat Pengurusan Ilmu telah mengorak langkah untuk menyediakan infrastruktur dan sistem yang bersesuaian sebagai sebahagian daripada inisiatif kepada kegiatan pengurusan ilmu di UPM.

PPI telah dan sedang membangunkan data pangkalan maklumat yang mengandungi ilmu pengetahuan yang telah didokumen dan ilmu pengetahuan yang tidak didokumen. Satu *platform*, berasaskan teknologi maklumat, di mana komuniti Universiti akan dapat berkongsi serta menggunakan semula ilmu-ilmu tersebut telah diwujudkan. UPM percaya pengurusan ilmu yang cekap akan dapat mengoptimumkan penggunaan semula ilmu yang telah diperolehi hasil dari penyelidikan yang telah dijalankan dan menjadi sumber rujukan dan informasi kepada warga UPM khasnya dan negara amnya.

The Knowledge Management Centre is currently developing an information database containing documented and undocumented knowledge, creating an ICT-based platform that allows UPM community to share and recycle knowledge. UPM believes that efficient knowledge management will optimise the recycling of knowledge generated from research. The Centre will be a reference and information centre, specifically, for UPM community and the nation, in general.

DIARI PERISTIWA

DIARY OF EVENTS



Lawatan Ke Universiti Putra Malaysia

Visits To Universiti Putra Malaysia

Pelawat Tempatan

2 Januari 2002

Pejabat RISDA Negeri
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Jalan Sultan Ismail
20700 Kuala Terengganu, Terengganu

26 Januari 2002

Kolej Matrikulasi Melaka
73800 Londang, Masjid Tanah, Melaka

13 Mac 2002

Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Besar
73000 Tampin, Negeri Sembilan

14 Mac 2002

Sekolah Kebangsaan Parit Baharu
45100 Sungai Air Tawar
Sabak Bernam, Selangor

23 Mac 2002

Sekolah Rendah Kebangsaan
Kampung Baru Sabak Bernam, Selangor
(Program Khidmat Bakti Masyarakat Persatuan
Bulan Sabit Merah Chapter, Universiti Putra
Malaysia)

19 April 2002

Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 4
Jalan Kuala Rui
33300 Gerik, Perak

26 April 2002

Sekolah Menengah Al Azhar
Jalan Kodiang
06000 Jitra, Kedah

27 April 2002

Sekolah Menengah Kebangsaan Meru
Pekan Meru
41050 Klang, Selangor

29 Mei 2002

Persatuan Sains & Matematik
Sekolah Menengah Kebangsaan
Syed Mohamed Al-Bukhary
Kompleks Pendidikan
Jalan Stadium
05100 Alor Setar, Kedah

30 Mei 2002

Persatuan Ekonomi dan Pengguna
Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir
Kampung Sungai Jaya
84800 Bukit Gambir, Muar, Johor

Local Visitors

2 January 2002

State RISDA Office
Ministry for Rural Development
Jalan Sultan Ismail
20700 Kuala Terengganu, Terengganu

26 January 2002

Melaka Matriculation College
73800 Londang, Masjid Tanah, Melaka

13 March 2002

Tunku Besar National Secondary School
73000 Tampin, Negeri Sembilan

14 March 2002

Parit Baharu National Primary School
45100 Sungai Air Tawar
Sabak Bernam, Selangor

23 March 2002

Kampung Baru Sabak Bernam
National Primary School
(Red Crescent Society,
Universiti Putra Malaysia Chapter
Community Service Programme)

19 April 2002

